

KENYATAAN MEDIA SURUHANJAYA INTEGRITI AGENSI PENGUATKUASAAN (EAIC)

EAIC UMUM TINDAKAN SUSULAN TERHADAP AGENCI BELUM BERI MAKLUM BALAS

***UNTUK SIARAN SEGERA
10 FEBRUARI 2026***

Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan (EAIC) memutuskan bahawa syor-syor dapatan siasatan yang masih gagal diambil tindakan oleh agensi-agensi penguatkuasaan di bawah seliaannya akan diumumkan secara terbuka, sebagai langkah untuk memperkukuh tadbir urus serta memastikan akauntabiliti

Tindakan ini adalah susulan daripada peringatan oleh YAB Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, yang memberi tempoh satu minggu kepada ketua-ketua agensi untuk memastikan tanggungjawab dilaksanakan. Tan Sri Dr. Ismail Hj. Bakar, Pengerusi EAIC berkata tindakan ini bertujuan untuk menegakkan keadilan terbaik bagi semua pihak dan memastikan keberkesanan institusi tidak dikompromi, selaras dengan mandat EAIC terhadap rakyat.

EAIC turut menegaskan pengurusan tatakelakuan pegawai awam perlu dilaksanakan secara berdisiplin dan mengikut tatacara yang ditetapkan. Setiap laporan yang dirujuk kepada pihak berkuasa tatatertib hendaklah diproses mengikut prosedur pengurusan tatatertib dan adalah menjadi kewajipan ketua jabatan untuk menjalankan kawalan serta pengawasan tatatertib ke atas pegawai bawahannya selaras dengan Peraturan 3C P.U (A) 395/1993.

EAIC berharap semua agensi yang terlibat dapat memberikan kerjasama sepenuhnya dengan mengambil tindakan sewajarnya dan mengemukakan maklum balas dalam tempoh ditetapkan.

#TAMAT#

**SURUHANJAYA INTEGRITI AGENSI PENGUATKUASAAN (EAIC)
PUTRAJAYA**